

09/11/1998

Litar Sepang mercu tanda baru

LITAR Sepang, mercu tanda kemegahan terbaru negara, kini hampir siap pembinaannya untuk sedia menjadi tuan rumah kepada pelbagai perlumbaan bertaraf dunia.

Litar sepanjang 5.6 kilometer berharga RM286 juta itu - hasil ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dua tahun lalu - akan menganjurkan perlumbaan sulungnya, Perlumbaan Antarabangsa Proton, pada 13 Disember ini sebelum menjadi tuan rumah dua perlumbaan utama dunia pada 1999.

Saingan yang pasti akan membolehkan litar berkenaan menjadi tumpuan dunia ialah perlumbaan pembuka tirai motosikal Grand Prix Dunia 1999 yang dijadualkan pada 18 April.

Ia bakal dituruti perlumbaan kereta Formula Satu pada 17 Oktober yang bakal menyaksikan kehadiran pelumba utama, termasuk Michael Schumacher, David Coulthard dan juara baru, Mika Hakkinen.

Litar yang dijangka mendapat kelulusan keselamatan daripada badan dunia Formula Satu, FIA, itu direka khas untuk menguji kepakaran pemandu bertaraf dunia, dengan 16 selekoh serta lima lorong memotong untuk memastikan persaingan menarik.

Sebanyak 130,000 tempat duduk penonton tersedia di litar berkenaan, dengan tempat duduk utama dibina khas berbentuk `dua permukaan' yang memastikan penonton tidak terlepas detik sengit perlumbaan.

Litar berkenaan dibina hasil kerjasama jururunding Tilke Ingenieure Fir Umwelttechnik dan Iktisas Ingenieurs.

Semalam, litar itu dipertontonkan buat julung kalinya kepada umum apabila menjadi tuan rumah kepada Majlis Hari Keluarga Malaysia Airports Berhad (MAB).

(END)